

28/11/1999

60 peratus lulusan UiTM sertai sektor swasta

Mohd Fuad Razali

KEJAYAAN sesebuah institusi pengajian tinggi mudah dicerminkan oleh jumlah alumni atau graduan yang dihasilkannya. Bagi Universiti Teknologi Mara (UiTM), yang sebelum ini dikenali sebagai Institut Teknologi Mara (ITM), sejak ditubuhkan berjaya mengeluarkan seramai 137,800 graduan dalam pelbagai bidang ilmu.

Sebenarnya, sejarah UiTM bermula pada 1956 dengan penubuhan Dewan Latihan RIDA (Lembaga Pembangunan Industri Desa), sebuah pusat persediaan untuk anak muda kampung yang mendapat pendidikan aliran Inggeris. Matlamat utamanya ketika itu ialah untuk meningkatkan status sosioekonomi masyarakat desa di Malaysia.

Dengan pengambilan pertama seramai 25 pelajar, pusat latihan itu memperkenalkan kursus The London Chamber of Commerce dan perniagaan kecil.

Nama pusat itu kemudian ditukar kepada Maktab Mara hasil daripada keputusan yang diambil dalam Kongres Ekonomi Bumiputera yang berlangsung pada 5 hingga 7 Jun 1965. Kemudian pada Oktober 1967, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein meletakkan batu asas di kampus utama Maktab Mara di Shah Alam yang kemudian membawa kepada kelahiran ITM.

Dan itulah untuk kali pertama perkataan 'teknologi' digunakan sebagai nama pada institusi di negara ini. Langkah itu sebenarnya sejajar dengan hasrat pengasas ITM untuk melahirkan tenaga profesional Bumiputera dalam bidang perniagaan dan teknologi.

Sebelum itu, graduan yang dihasilkan lebih banyak dalam bidang bukan sains seperti perakaunan, kesetiausahaan dan insurans. Selepas bidang teknologi diperkenalkan, ITM mula memperkenalkan kursus sains seperti veterinar dan perikanan yang kemudian menjadi asas kepada kewujudan Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia).

Pada 1970, ITM mendapat autonomi dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Bagaimanapun, selepas Akta ITM diluluskan oleh Parlimen pada 1976, pengurusan ITM dipindahkan ke Kementerian Pendidikan.

Pindaan Akta ITM pada 1996 pula membolehkannya berfungsi setaraf dengan sebuah universiti dan membabitkan diri dalam bidang perniagaan, menjalankan kursus secara francais serta menubuhkan cawangan di luar negara.

Dan 26 Ogos lalu, ITM mencatat satu lagi sejarah dalam perkembangannya apabila diangkat sebagai sebuah universiti yang sekali gus meletakkannya dalam gelanggang sama dengan universiti awam lain di seluruh negara.

Seperkara yang mungkin kurang disedari ramai ialah kebanyakan graduan yang dikeluarkan oleh UiTM pasaran kerjaya di sektor swasta. Menurut Ahmad Zaidee, kajian yang dilakukan menganggarkan lebih 60 peratus yang berbuat demikian.

Katanya, kejayaan itu adalah selaras dengan rancangan dan usaha Tan Sri Arshad Ayob - pengarah ITM pertama - yang mahukan supaya sebahagian besar pelajar institut berkenaan menyertai sektor swasta selepas tamat pengajian.

"Ini yang menjadikan ITM sebagai institusi pengajian tinggi yang unik berbanding universiti awam lain yang mengetengahkan lulusannya untuk bekerja di sektor awam. Kajian yang dilakukan menunjukkan, tahun demi tahun, lebih 60 peratus graduan ITM bekerja dalam sektor swasta.

"Oleh itu, kita lihat, jika tidak wujud ITM, bilangan Bumiputera dalam sektor swasta memang sangat kurang. Sehubungan itu, ketika Perdana

Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memutuskan untuk menaikkan taraf ITM kepada universiti, dia juga mengenal pasti ramai lulusan ITM yang berjaya sama ada dalam perniagaan mahupun bidang lain di sektor swasta," katanya.

Apakah rahsia dan kekuatan yang dimiliki UiTM sehingga membolehkan sektor swasta begitu mudah menerima lulusan institusi itu?

Menurut Ahmad Zaidee, kekuatan utamanya terletak pada jenis program pengajian yang lebih bercorak praktikal dan berorientasikan kerjaya. Apatah lagi kebanyakan program ditawarkan memang menjadi keperluan dalam sektor swasta seperti perhotelan, kejuruteraan dan perakaunan.

Sehubungan itu, program pengajian yang ditawarkan pada peringkat diploma lanjutan ketika itu berjaya mendapat pengiktirafan setara dengan ijazah sarjana muda di universiti lain.

Kedua, program ditawarkan sentiasa dikaitkan dengan badan profesional dalam bidang berkenaan seperti pengajian dalam bidang perakaunan, kejuruteraan dan seni bina. Ini untuk memastikan kelulusan yang dianugerahkan oleh institut itu mendapat pengiktirafan badan profesional berkenaan.

Menurut Ahmad Zaidee, UiTM mendapat pengiktirafan itu kerana semua mata pelajaran yang diajar menerusi program pengajiannya disesuaikan dengan kehendak badan profesional berkenaan.

"Kita boleh demikian kerana kita menggalakkan pensyarah UiTM menjadi ahli badan profesional ini. Misalnya, saya sendiri adalah Presiden Institut Jurutera Malaysia (IEM). Pada masa sama saya juga menggalakkan pensyarah kejuruteraan lain menjadi ahli IEM. Dengan itu, secara tidak langsung mereka mengetahui kehendak badan profesional ini. Selain itu, mereka juga terbabit dalam pengiktirafan program pengajian universiti lain.

"Selain itu, kita juga menggalakkan mereka menjadi ahli badan profesional di peringkat antarabangsa, dan UiTM membayar yuran tahunan keahlian mereka. Kita sanggup berbuat demikian kerana berhasrat melahirkan ahli profesional," katanya.

Menurutnya, pembabitan ahli akademik dalam badan profesional, lebih-lebih lagi di peringkat antarabangsa, tidak boleh dipandang ringan kerana tidak dapat tidak, kelulusan yang dikeluarkan mesti memenuhi kehendak badan berkenaan.

"Idea antarabangsa juga mesti dilihat kerana kemungkinan tiba satu masa kelak, ada di kalangan graduan kita yang terpaksa bertugas di luar negara.

Oleh itu, kita juga mesti sentiasa mengukur tahap dan pencapaian program pengajian yang ditawarkan supaya setara dengan universiti luar negara. Sebab itu, sebahagian besar pemeriksa luar di UiTM diambil dari universiti luar negara seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat.

"Mungkin inilah yang membuatkan mudah bagi lulusan UiTM menyertai sektor swasta. Jadi, mereka mudah diterima dan juga mudah menyesuaikan diri," katanya.

UiTM sentiasa memastikan semua pelajar yang mengikuti program pengajian di universiti itu menjalani latihan praktikal supaya mereka dapat bersedia dan membuat penyesuaian dengan keadaan sebenar di tempat kerja kelak.